

34 kakitangan perpustakaan sertai lawatan FPL UMS

NST 12.9.2017 2

KOTA KINABALU: Seramai 34 kakitangan Perpustakaan Kampus Induk Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan lawatan kerja ke baru-baru ini.

Ketua rombongan yang juga Pustakawan Kanan, Mohd. Tajudin Atin berkata, lawatan itu antara lain bertujuan memberi pendedahan kepada staf perpustakaan melihat sendiri ladang-ladang yang diusahakan oleh FPL seperti ladang ternakan kambing, rusa, payau, burung unta dan ladang orkid.

"Lawatan itu juga bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan kerjasama yang sedia terjalin dengan staf FPL," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan yang dikeluarkan kelmarin.



ROMBONGAN kakitangan Perpustakaan UMS mengadakan lawatan kerja ke Fakulti Pertanian Lestari (FPL) Kampus Sandakan.

Ujar Tajudin, ahli rombongan turut diajar cara-cara membuat telur masin.

Sementara itu, rombongan berkenaan telah disambut mesra oleh Dekan FPL, Prof. Madya Dr. Saafie Salleh yang

diiringi Penolong Pendaftar Kanan FPL, Roslan Gimba.

Sesi taklimat kemudiannya diadakan dengan dikendalikan Penolong Pegawai Veterinar, Mohd. Faizal Awang Yahya bersama Mohd. Aza-

hari Majin dari Bahagian Pentadbiran FPL.

Selain lawatan sekitar FPL, rombongan juga berkesempatan mengunjungi tempat-tempat menarik di sekitar Sandakan.